

22 JUN 1998

Mahathir-Kereta

DR MAHATHIR MINTA PROTON KEKALKAN IDENTITI KERETA KELUARANNYA

SHAH ALAM, 22 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Proton perlu mengekalkan ciri-ciri kereta keluarannya untuk terus mempertahankan identiti nasional kereta buatan Malaysia.

Perdana Menteri berkata ini perlu kerana trend dalam industri automotif sekarang ialah bagi syarikat-syarikat gergasi bergerak ke seluruh dunia dan syarikat-syarikat kecil hanya menjadi pengilang mereka.

"Dengan itu kita akan hilang identiti dan tidak lagi menjadi kereta nasional sebaliknya, menjadi pengilang sahaja kepada kereta yang dicipta oleh syarikat-syarikat gergasi ini," katanya ketika merasmikan majlis meraikan pelanggan ke 1,000,000 EON Berhad di sini.

Sambil mengingatkan Proton supaya sentiasa berjaga-jaga terhadap trend itu, beliau berkata Proton akan mampu mengekalkan identiti kereta nasional dengan kerjasama rakan-rakannya seperti Mitsubishi, Lotus dan syarikat-syarikat kecil lain.

"Walaupun trend sekarang ke arah syarikat-syarikat gergasi yang bergerak di seluruh dunia tetapi kalau kita berjaga-jaga maka kita boleh terus kekalkan identiti kita.

"... sementara kita tidak menolak kerjasama dengan syarikat-syarikat gergasi ini tetapi identiti Proton dan EON hendaklah terus dikekalkan," katanya.

Perdana Menteri berkata usaha mengekalkan identiti kereta nasional itu boleh dibuat dengan memastikan kereta Proton terus canggih dari semasa ke semasa.

"Untuk itu kita perlukan fikiran terbuka... satu kesediaan untuk menerima teknologi baru dan mencuba sendiri idea-idea baru, dengan cara itu menjadikannya unik," katanya.

Dr Mahathir juga berharap dalam jangka masa yang singkat Proton dan EON akan dapat mencatatkan satu lagi sejarah mengeluar dan menjual sejuta lagi kereta Proton dengan 900,000 daripadanya untuk pasaran eksport.

Mengimbas kembali sejarah bermulanya industri kereta nasional kira-kira 13 tahun lalu, beliau berkata ia juga bermula ketika negara mengalami masalah ekonomi sehingga menyebabkan ada pihak yang berpendapat keputusan kerajaan itu tidak bijak, keterlaluan dan bercita-cita besar sedangkan negara pada ketika itu tidak mempunyai keupayaan kejuruteraan otomobil.

Kini, katanya, kerana tidak terdapat banyak permintaan dalam negeri maka usaha hendaklah dibuat untuk mengeksportnya dengan lebih banyak.

"Kita harap kita boleh eksport hampir dua kali ganda daripada tahun lepas. Ini adalah antara satu daripada kebaikan kegawatan ekonomi kerana sebelum ini kita tidak berikan perhatian serius kepada peluang mengeksport."

Perdana Menteri percaya banyak lagi pasaran di luar negeri yang berminat membeli kereta-kereta Proton dan berharap satu ketika nanti bilangan eksport lebih besar daripada jualan di pasaran tempatan.

Pada majlis itu Perdana Menteri meyampaikan cek berjumlah sejuta sen kepada Encik Yeoh Eng Keat, 30an, seorang jurutera dari Pulau Pinang yang menjadi pelanggan ke 1,000,000 EON apabila membeli Proton Wira 1.3 GL Manual.

Beliau juga menyampaikan cenderamata penghargaan kepada beberapa pihak yang banyak membantu memajukan penggunaan kereta nasional termasuk wartawan, Fomca, wakil-wakil penjual dan pengedar Proton.

-- BERNAMA

MNY RON